

## UMP antara terbaik di Asia

KUANTAN 16 Julai - Universiti Malaysia Pahang (UMP) diiktiraf sebagai antara universiti terbaik di Asia yang mencatat peningkatan tertinggi bagi penghasilan penerbitan dan kerjasama serantau dalam bidang kejuruteraan sepanjang tahun lalu.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP yang dikategorikan sebagai 15 universiti terbaik mencatatkan peratusan peningkatan paling tinggi dengan kadar 131 peratus.

Menurut beliau, pengiktirafan itu dikeluarkan dalam laporan bertajuk *Higher Education in Asia: Expanding Out, Expanding Up* oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

"Kejayaan ini amat membanggakan dan menjadi suntikan semangat untuk warga UMP terus berkarya dengan kreatif dan inovatif berpaksikan budaya penyelidikan unggul serta berkualiti tinggi.

"Ini adalah hasil kerja keras para penyelidik dan pensyarah universiti ini yang konsisten dalam memberi tumpuan menghasilkan penerbitan ilmiah yang berkualiti dan pengamalan budaya penyelidikan dalam universiti ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Menurut Dr. Daing Nasir, sepanjang tahun lalu sahaja UMP berjaya menghasilkan 340 penerbitan ilmiah yang merangkumi karya asli, monograf, artikel jurnal, kertas persidangan dan rencana ilmiah.

"Penganjuran Anugerah Cendekia Bitara pada setiap tahun dalam mengiktiraf penyelidik UMP juga menyumbang terhadap pertambahan bilangan penerbitan yang dihasilkan serta menghasilkan terbitan yang berkualiti dan berimpak tinggi," katanya.

Beliau berkata, UMP juga sentiasa komited dalam membangunkan sumber manusia dan teknologi bagi memenuhi keperluan industri yang menyumbang kepada pembangunan negara.